

30 AUG 1998

KOMANWEL: 12 NEGARA SERTAI PESTA KEBUDAYAAN

LANGKAWI, 30 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 12 negara mengesahkan akan menyertai Pesta Kebudayaan Komanwel 1998 di sini, yang diadakan serentak dengan Pesta Malaysia di Kuala Lumpur mulai 12 hingga 26 September depan.

Ketua Pengarah Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (LPPM) Datuk Dr Arshad Hashim berkata pesta yang dijangka meriah itu akan berlangsung ketika Sukan Komanwel ke-16, bulan depan.

Pesta itu akan menampilkan ciri-ciri kebudayaan dan kesenian Malaysia serta negara-negara Komanwel, katanya selepas merasmikan Safari Memancing Terbuka Langkawi ke-3 di sini, kelmarin.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kedua-dua pesta itu di Dataran Merdeka Kuala Lumpur pada 13 September.

Beliau berkata, semua negeri termasuk Kedah bersetuju menghantar kumpulan kebudayaan untuk mengadakan persembahan di hotel-hotel, pasar seni dan beberapa tempat sekitar Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

ZI ZB